

PROMOSI RAYA 2022 TAKAFUL SUMBANGAN TETAP-i

Terma & Syarat ("T&S")

*Dikemas kini pada 28 Februari 2022***TEMPOH PROMOSI**

1. **PROMOSI RAYA 2022 TAKAFUL SUMBANGAN TETAP-i** ("Promosi") Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (HLISB) bermula pada 18 April 2022 dan berakhir pada 31 Mei 2022, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai sasaran promosi, bergantung kepada yang mana terdahulu ("Tempoh Promosi"), melainkan diberitahu sebaliknya.

KELAYAKAN

2. Promosi ini terbuka kepada peserta (Pelanggan) Pelan HLM Takaful Amanah Saver; HLM Takaful Legacy / Legacy Plus; Secure 3 / 3 Plus; Wealth Protect / Wealth Protect Plus ("Pelan") yang diunderait oleh Hong Leong MSIG Takaful ("HLMT"), melalui mana mana cawangan Hong Leong Islamic Bank ("HLISB") atau Hong Leong Bank ("HLB") semasa Tempoh Promosi.

KAEDAH PROMOSI

3. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan dikehendaki memenuhi syarat-syarat di bawah untuk layak mendapat hadiah penyertaan ("Ganjaran") dalam bentuk baucar tunai (atau apa bentuk baucar dengan nilai yang sama) dengan nilai seperti berikut:

Julat Sumbangan Tahunan Pertama	Nilai Baucar
RM6,000 dan ke atas	RM100

Syarat syarat adalah seperti berikut :-

- (a) Sumbangan untuk pelan mestilah secara **tahunan** sahaja
 - (b) Jumlah sumbangan tahunan pertama adalah tidak kurang dari Ringgit Malaysia Enam Ribu sahaja (RM6,000)
4. Untuk mengelakkan keraguan, bagi membolehkan Pelanggan menikmati Ganjaran di atas
 - (a) Pelanggan yang memilih hak tempoh bertenang tidak layak untuk mendapat Ganjaran. Butiran hak tempoh bertenang adalah seperti yang terkandung di dalam Helaian Pendedahan Produk dan/atau polisi sijil.
 - (b) Jumlah nilai Ganjaran untuk Promosi ini tidak boleh melebihi Ringgit Malaysia Lapan Ribu sahaja (RM8,000), mana yang cepat didahulukan mengikut pada tarikh sijil takaful dikuatkuasakan oleh HLMT.
 5. Pelanggan yang telah melaksanakan dan memenuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan dalam 3 dan 4 di atas hendaklah dirujuk sebagai "Pelanggan yang Layak" untuk tujuan Promosi.
 6. Ganjaran akan diagihkan dalam tempoh 90 hari selepas 15 haribulan pada bulan berikutnya dari tarikh sijil takaful dikuatkuasakan, berdasarkan pada senarai yang disediakan dan disahkan oleh HLMT.
 7. HLISB akan menghantar Ganjaran dalam bentuk e-kod unik yang dikeluarkan oleh Shopee melalui SMS ke nombor telefon bimbit Pelanggan yang layak yang telah berdaftar dengan HLMT.
 8. Pelanggan yang layak bertanggungjawab untuk menebus Ganjaran secara langsung melalui aplikasi Shopee atau laman web Shopee selepas menerima e-kod unik.

9. Baucar yang tidak digunakan atau tidak ditebus selepas tarikh luput akan terbatal dan tidak akan diganti.
10. Penggunaan Ganjaran adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Pengguna Shopee dan Pelanggan yang layak adalah bertanggungjawab untuk membaca dan memahami polisi keselamatan dan privasi serta terma dan syarat Shopee.
11. HLISB tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenuhan Ganjaran tidak berjaya akibat nombor telefon yang tidak betul atau luput yang diberikan oleh Pelanggan yang layak.
12. Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bertanggungjawab dan menanggung semua cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi tersebut.

AM

13. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan bersetuju:
 - (a) terikat oleh T & S di sini;
 - (b) bahawa keputusan HLISB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Promosi adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan.
14. HLISB berhak:
 - (a) untuk membatalkan Promosi dalam keadaan di mana terdapat pembalikan Pelanggan yang Layak atau penamatan Tempoh Promosi pada setiap masa atau tidak mematuhi Terma dan Syarat yang terkandung di sini;
 - (b) untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah Terma & Syarat yang terkandung di dalamnya, sama ada secara mengikut budi bicara HLISB dengan cara memaparkan di laman sesawang HLISB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis pemberitahuan terlebih dahulu;
 - (c) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Kakitangan atas sebab tidak mematuhi Terma dan Syarat yang mungkin bagi HLISB dianggap sesuai untuk menyertai Promosi dengan memberi notis pemberitahuan terlebih dahulu.
15. T & S di sini dan Terma dan Syarat Umum Akaun hendaklah dibaca bersama sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, T & S khusus ini akan mengatasi percanggahan tersebut.
16. T & S akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia secara eksklusif.
17. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

PENAFIAN TAKAFUL

Dokumen ini tidak dimaksudkan sebagai jemputan atau tawaran untuk melanggan Takaful mahupun permintaan oleh HLISB untuk melanggan Takaful kepada sesiapa sahaja. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami isi kandungan risalah/kontrak polisi produk sebelum bersetuju untuk melanggan.

NOTA PENTING :

Pelan di atas ditaja jamin oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad (HLMT). HLMT adalah Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, beberapa manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad dilindungi oleh PIDM daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had-had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).